

# 743 terima darjah kebesaran Hari Keputeraan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ke-63 Sultan Johor, Kelantan dahului senarai

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**  
pengarang@utusan.com.my

**SEREMBAN** 13 Jan. – Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V mengetuai senarai penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena Hari Keputeraan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir ke-63 esok.

Baginda berdua akan dikurniakan Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (DKNS) pada istiadat yang berlangsung di Balairung Seri Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah.

Dalam pada itu, 743 orang akan menerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena hari keputeraan tersebut yang akan dilangsungkan dalam tiga sesi.

Pada tahun ini juga, satu darjah kebesaran baru diwujudkan iaitu Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (DBNS) yang membawa gelaran Datuk, untuk dianugerahkan kepada individu yang berjaya dalam bidang masing-masing.

Panglima Tentera Darat, Datuk Seri Zulkifeli Mohd. Zin merupakan penerima tunggal untuk Darjah Seri Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Terbilang (SSTM) yang membawa gelaran Datuk Seri.



**SULTAN IBRAHIM**



**SULTAN MUHAMMAD V**

Sementara itu, Pengarah Institut Perubatan Molekul Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. A. Rahman A. Jamal dianugerahkan Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan (DPNS) yang membawa gelaran Datuk.

Penerima lain DPNS ialah Pengarah Eksekutif M.I.Drilling Fluids (M) Sdn. Bhd., Ahmad Nizar Othman; Ketua Unit Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Akhil Bulat; Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (Ukas), Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr. Ali Hamsa; Pengasas dan Pengekua Cempaka Int. Ladies College, Datin Freida Mohd. Pilus; Exco Kerajaan negeri, Datuk Hasim Rusdi; Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Muhammad Muda; Pengarah Eternal Yield Sdn. Bhd., Ooi Chong Beng dan Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Seremban, Rosnaini Saub.

Bagi anugerah Darjah Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Gemilang (DSTM) juga membawa gelaran Datuk dikurniakan kepada ahli perniagaan, Ahmad Fuad Abdul Rahman; Rakan

Kongsi Kanan Price Waterhouse Malaysia, Anthony Geoffrey Cooper dan Pengarah Eksekutif Salution & Outcomes Sdn. Bhd.; Datuk Tunku Mahmood Fawzy Tunku Muhyiddin.

Bagi darjah kebesaran yang baru iaitu DBNS yang juga membawa gelaran Datuk, 25 penerima telah diperkenalkan bagi tujuan berkenaan.

Mereka ialah pelakon dan penggiat seni tanah air, Ahmad Tarmimi Serigar Kamaruddin; Presiden CUEPACS, Omar Osman; pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM),

Prof. Abd. Rani Bahaman; Timbalan Ketua Setiausaha I, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Azyiah Mohamed; Pengarah Urusan Sinararia Sdn. Bhd., Azmi Abas dan Felo Perunding Perubatan Veterinar UPM, Prof. Dr. Tengku Azmi Tengku Ibrahim.

Penerima lain DBNS ialah Pengarah Urusan Puncabahan Sdn. Bhd., Aznan Abu Bakar; Pengerusi Persatuan Kontraktor Negeri Sembilan, Baharuddin Sariman; Pengarah Urusan Idaman Pharma Sdn. Bhd., Farshila Emran; Setiausaha Majlis Gabungan Persatuan India Negeri Sembilan, R. Kanagaraja dan Setiausaha Kehormat St. John Ambulans Malaysia, Lai See Ming.

Lain-lain ialah aktivis masyarakat, Lim Fui Ming; Ketua Pegawai Eksekutif Azimat Bersatu Sdn. Bhd., Ir. Manan Amir; Pengarah Tackor Design Sdn. Bhd., Mathew Ling Lee Wee; Pengarah Urusan A.S.Global Resources Sdn. Bhd., Dr. Mohamad Akbar Sulaiman dan pesara kerajaan, Mohd. Nordin Ahmad.

Turut menerima anugerah DBNS ialah, Ketua Penerangan Mubarak, Dr. Nordin Ahmad Selat; Pengarah HICOM Glenmarie, Datuk Mustaffa Abd. Rahman; Profesor Pusat Pengajian Fizik Gunaan UKM, Prof. Dr. Roslan Abd. Shukor; Ketua Pegawai Eksekutif Sains, Rosman Abdullah; Ketua Pe-

gawai Eksekutif Nasim Sdn. Bhd., Samson Anand George; Penasihat Sukan dan Hospitaliti Taylor's University College, Sarjit Singh Banta Singh; Panglima Markas 5 Briged, Brigedier Jeneral Shahbani Ali; Pengerusi Penerangan MIC Negeri Sembilan, Vello Munusamy dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Datin Dr. Zailan Adnan.

Seramai 36 orang menerima Darjah Setia Negeri Sembilan (DNS) dan antara penerimanya ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chembong, Zaifulbahri Idris dan 12 orang menerima Darjah Tuanku Muhriz (DTM).

Bagi Darjah Pekerti Terpilih (DPT) seramai 30 orang penerima antaranya ialah Pengarah Jabatan Alam Sekitar negeri, Charanpal Singh dan seramai 97 orang pula menerima pingat Ahli Setia Negeri Sembilan (ANS).

Seramai lima orang pula menerima pingat Setiawan Tuanku Muhriz (STM) dan seorang dikurniakan Pingat Keberanian Cemerlang (PKC) iaitu Cif Inspektor Mohd. Rais Awaluddin.

Seramai 186 orang menerima Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat (PMC), 304 orang menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK), 21 orang lagi menerima Pingat Khidmat Lama (PKL) dan 11 orang menerima Bentara Tuanku Muhriz (BTM).



**ZULKIFELI MOHD. ZIN**



**A. RAHMAN A. JAMAL**



**AKHIL BULAT**



**FREIDA MOHD. PILUS**



**MUHAMMAD MUDA**



**AHMAD TARMIMI**



**OMAR OSMAN**



**ZAILAN ADNAN**